



# **SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN LOMPAT TALI PRESTASI TINGGI PERINGKAT KEBANGSAAN 2019**

*Anjuran :*  
**Persekutuan Lompat Tali Malaysia**

*Dengan kerjasama :*  
**IPGM Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai, Kuala Lumpur,  
Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

**SYARAT-SYARAT AM  
PERTANDINGAN LOMPAT TALI PRESTASI TINGGI  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2019**

**1. NAMA**

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Kebangsaan 2019.

**2. PENGANJUR**

Pertandingan ini adalah anjuran Persekutuan Lompat Tali Malaysia (MYJuRF) dengan kerjasama IPGM Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai, Kuala Lumpur dan Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**3. TARIKH PERTANDINGAN**

22 - 23 Jun 2019 ( Sila lihat Jadual Pertandingan )

**4. YURAN PENYERTAAN PERTANDINGAN**

4.1	Master Competition	: RM 30.00 Seorang
4.2	Pair Competition	: RM 30.00 Satu Kumpulan
4.3	Team & Double Dutch Competition	: RM 80.00 Satu Kumpulan
4.4	Figure 8 Competition	: RM 10.00 Satu Kumpulan

Bayaran hendaklah dibayar kepada **PERSEKUTUAN LOMPAT TALI MALAYSIA / RHB BANK** No. Akaun : **21412900160830**.

**5. TEMPAT PERTANDINGAN**

Dewan Besar, IPGM Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

**6. KATEGORI PERTANDINGAN DAN KRITERIA PENYERTAAN**

Penyertaan Pertandingan Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Kebangsaan 2019 mengikut kategori Pertandingan :

**( I ) Kategori Junior ( Sekolah Rendah ) :**

- Penyertaan adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia yang berumur :
  - i. Bawah 10 Tahun
  - ii. 11 – 12 Tahun

**(II) Kategori Remaja ( Sekolah Menengah )**

- Penyertaan adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia yang berumur :
  - i. 13 – 15 Tahun
  - ii. 16 – 18 Tahun

**III) Kategori Belia**

- Penyertaan adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia yang berumur :
  - i. 19 tahun – 23 tahun sahaja.

**7. SYARAT-SYARAT AM UNTUK SEMUA KATEGORI :**

<b>PERTANDINGAN LOMPAT TALI PRESTASI TINGGI PERINGKAT KEBANGSAAN 2019</b>			
<b>ACARA</b>	<b>PERTANDINGAN</b>	<b>UMUR</b>	<b>JANTINA</b>
<b>MASTER COMPETITION</b>	1X30 Single Rope Speed (SRS)	BAWAH 10	KATEGORI LELAKI KATEGORI PEREMPUAN
		11 - 12	
		13 - 15	
		16 - 18	
		19 - 23	
	1X180 Single Rope Speed (SRS)	BAWAH 10	KATEGORI LELAKI KATEGORI PEREMPUAN
		11 - 12	
		13 - 15	
		16 - 18	
		19 - 23	
	1X30 Single Rope Double Under Speed (SRDUS)	BAWAH 10	KATEGORI LELAKI KATEGORI PEREMPUAN
		11 - 12	
		13 - 15	
		16 - 18	
		19 - 23	
	Consecutive Triple Under (CTU)	BAWAH 10	KATEGORI LELAKI KATEGORI PEREMPUAN
		11 - 12	
		13 - 15	
		16 - 18	
		19 - 23	
Single Rope Freestyle (SRF)	BAWAH 10	KATEGORI LELAKI KATEGORI PEREMPUAN	
	11 - 12		
	13 - 15		
	16 - 18		
	19 - 23		

<b>PERTANDINGAN LOMPAT TALI PRESTASI TINGGI PERINGKAT KEBANGSAAN 2019</b>			
<b>ACARA</b>	<b>PERTANDINGAN</b>	<b>UMUR</b>	<b>JANTINA</b>
<b>PAIR COMPETITION</b>	2x30 Single Rope Pair Double Under (SRPDU)	BAWAH 10	KATEGORI LELAKI  KATEGORI PEREMPUAN
		11 - 12	
		13 - 15	
		16 - 18	
		19 - 23	
	Single Rope Pair Freestyle (SRPF)	BAWAH 10	KATEGORI LELAKI  KATEGORI PEREMPUAN
		11 - 12	
		13 - 15	
		16 - 18	
		19 - 23	

<b>PERTANDINGAN LOMPAT TALI PRESTASI TINGGI PERINGKAT KEBANGSAAN 2019</b>			
<b>ACARA</b>	<b>PERTANDINGAN</b>	<b>UMUR</b>	<b>JANTINA</b>
<b>TEAM &amp; DOUBLE DUTCH COMPETITION</b>	4x30 Single Rope Team Speed (SRTS)	BAWAH 10	KATEGORI LELAKI  KATEGORI PEREMPUAN
		11 - 12	
		13 - 15	
		16 - 18	
		19 - 23	
	Single Rope Team Freestyle (SRTF)	BAWAH 10	KATEGORI LELAKI  KATEGORI PEREMPUAN
		11 - 12	
		13 - 15	
		16 - 18	
		19 - 23	
	2x60 Double Dutch Pair Speed (DDPS)  (4 Orang Peserta: 2 Pelompat dan 2 Pemutar)	BAWAH 10	KATEGORI LELAKI  KATEGORI PEREMPUAN
		11 - 12	
		13 - 15	
		16 - 18	
		19 - 23	
	Double Dutch Freestyle (DDF)	BAWAH 10	SAMA ADA PESERTA LELAKI, PEREMPUAN ATAU CAMPURAN
11 - 12			
13 - 15			
16 - 18			
19 - 23			
16 - 18			
19 - 23			

PERTANDINGAN LOMPAT TALI PRESTASI TINGGI PERINGKAT KEBANGSAAN 2019			
ACARA	PERTANDINGAN	UMUR	JANTINA
<b>FIGURE 8 COMPETITION</b>	<p style="text-align: center;"><b>FIGURE 8</b></p> <p>(8 orang peserta: 2 Pemutar dan 6 Pelompat)</p> <p>Ukuran tali tidak ditetapkan dan tali mengikut kesesuaian peserta.</p>	<p>TERBUKA SEHINGGA UMUR 23 TAHUN SAHAJA</p>	<p>SAMA ADA PESERTA LELAKI, PEREMPUAN ATAU CAMPURAN</p>

#### 8. PENDAFTARAN

- Setiap peserta yang menyertai pertandingan ini perlu mengisi Borang yang disediakan oleh pihak penganjur.
- Setiap Borang peserta perlu ditandatangani dan disahkan oleh *JURULATIH KEBANGSAAN YANG DIIKTIRAF OLEH PERSEKUTUAN LOMPAT TALI MALAYSIA (MYJuRF)*
- Senarai nama Jurulatih Kebangsaan boleh dilihat di laman web **www.marsis.org.my**
- Borang Penyertaan perlu di emailkan kepada pengelola pertandingan sebelum **20 Mei 2019**.

#### Alamat Pihak Pengelola:

Persekutuan Lompat Tali Malaysia

No 61 Jalan SJ1

Taman Setia Jaya

48000 Rawang

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-60916100

Email : [jfhh\\_services@yahoo.com](mailto:jfhh_services@yahoo.com)

web : [www.marsis.org.my](http://www.marsis.org.my)

#### 9. PERTUKARAN NAMA

- Setiap pasukan tidak dibenar menukar nama peserta yang didaftar di Borang Pendaftaran kecuali pada waktu kecemasan dengan sebab-sebab munasabah dan boleh diterima oleh Pengerusi Teknikal. Sekiranya perkara ini berlaku, maka pasukan tersebut dikehendaki menghubungi pihak teknikal dalam masa 24 jam secara lisan dan bertulis di mana Pengerusi Teknikal akan menentukan sama ada pertukaran tersebut diterima atau tidak.

## 10. KEMUDAHAN FASILITI

### 10.1 Kawasan Latihan

- Pihak penganjur tidak menyediakan kawasan latihan dan tiada raptai akan dijalankan.

### 10.2 Kawasan Menunggu

- Kawasan untuk menunggu giliran akan disediakan untuk menempatkan peserta-peserta bagi giliran seterusnya

## 11. KAWASAN PERSEMBAHAN

### 11.1 Gelanggang:

11.1.1 *Speed*: Gelanggang berukuran 3m X 3m akan disediakan untuk pertandingan.

11.1.2 *Team*: Gelanggang berukuran 9m X 9m akan disediakan untuk pertandingan.

## 12. PAKAIAN

12.1 Semua peserta dikehendaki berpakaian kemas, bersesuaian dengan budaya negara, menjaga adat ketimuran dan penampilan bersih sepanjang tempoh pertandingan dan peserta dibenarkan memakai seluar tie tetapi t-shirt perlu labuh melebihi paras punggung.

12.2 Kasut yang sesuai perlu dipakai dan tidak meninggalkan sebarang kesan kepada lantai pertandingan bagi mengelakkan kecederaan berlaku.

12.3 Tali kasut hendaklah diikat sempurna.

12.4 Rambut yang panjang mesti diikat dengan kemas.

12.5 Barang-barang kemas tidak dibenarkan dipakai dan mesti ditanggalkan sebelum pertandingan

## 13. MUZIK

13.1 Muzik bagi pertandingan Freestyle akan disediakan oleh penganjur.

## 14. KELEWATAN

14.1 Sekiranya kelewatan berlaku disebabkan oleh bencana alam atau perkara-perkara di luar jangkaan seperti kerosakkan kenderaan dan sebagainya, pasukan yang terlibat hendaklah menghubungi Urusetia Pertandingan dengan kadar segera dan keputusan mengenai giliran persembahan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal.

14.2 Undi giliran setiap peserta atau pasukan tidak boleh ditukar. Semua giliran peserta atau pasukan akan dijalankan mengikut giliran dan masa yang telah ditetapkan.

14.3 Keputusan Jawatankuasa Pengelola adalah muktamad.

## 15. BANTAHAN

- 15.1 Sebarang bantahan dan rayuan mengenai penganjuran dan keputusan pertandingan **TIDAK AKAN DILAYAN.**
- 15.2 Semua keputusan yang dibuat oleh Pengelola dan Ketua Hakim adalah muktamad.

## 16. MAKLUMAT AM

- 16.1 Pihak Jawatankuasa pengelola tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh didakwa atas sebarang kecederaan atau kemalangan sebelum, semasa dan selepas pertandingan.
- 16.2 Sekiranya berlaku perkara yang tidak dapat dielakkan seperti tali putus semasa pertandingan dijalankan, peserta boleh memulakan semula mengikut budi bicara Ketua Hakim.
- 16.3 Jawatankuasa Pengelola adalah berkuasa untuk menambah dan memutuskan sebarang perkara yang tidak dinyatakan di dalam peraturan ini.
- 16.4 Jawatankuasa Pengelola / Teknikal berhak memutuskan segala masalah teknikal seperti elektrik pintas, gelanggang atau gangguan di tempat persembahan dan masalah lain yang tidak dapat dielakkan agar dapat diuruskan dengan sempurna oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 16.5 Keputusan Jawatankuasa Pengelola adalah **MUKTAMAD** di dalam segala keraguan mengenai peraturan yang telah ditetapkan.
- 16.6 Pihak penganjur tidak menyediakan tempat tinggal bagi peserta , guru atau jurulatih yang mengikuti Pertandingan Lompat tali Prestasi Tinggi Peringkat Kebangsaan 2019.
- 16.7 Setiap Pengurus pasukan digalakkan untuk mengambil Insuran kemalangan peserta kumpulan masing-masing.

## 17. HADIAH

- 17.1 Hadiah medal dan sijil akan diberikan kepada pemenang untuk tempat pertama, kedua, ketiga bagi setiap pertandingan dan kategori diadakan.